

12/01/2002

Pemimpin MCA bersatu pastikan calon menang

KANGAR, Jumaat - Tidak timbul pertelagahan dalam MCA dalam kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan apabila mereka sependapat mengenai isu yang mengaitkan pembangkang termasuk golongan pelampau agama.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata walaupun ada perbezaan pendapat di kalangan pemimpin parti itu, mereka berkongsi pandangan terutama dalam isu yang mengancam keselamatan negara.

"Nampaknya semua pemimpin dan ahli MCA bersatu-padu dalam pilihan raya ini untuk mengalahkan calon pembangkang seperti isu pelampau agama yang menakutkan masyarakat walaupun ada perbezaan pendapat dalam parti," katanya selepas mengetuai kempen bersemuka di Pasar Kangar, di sini, hari ini.

Beliau berkata berdasarkan persamaan pandangan di kalangan semua pemimpin dan ahli MCA untuk menghadapi pembangkang, beliau yakin kempen berlangsung lancar dan pengundi akan menyebelahi BN pada pilihan raya ini.

Dr Ling berkata maklum balas yang diterima daripada pengundi ketika kempen dari rumah ke rumah menunjukkan mereka menyebelahi BN.

Mengenai penyertaan Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek dan Naib Presiden, Datuk Chua Jui Meng, dalam kempen, Dr Ling berkata beliau puas hati dengan komitmen yang ditunjukkan kedua-dua pemimpin itu.

Kedua-dua pemimpin itu semalam dilihat mengetuai sekumpulan ahli BN berkempen dari rumah ke rumah di sekitar Pekan Lama Kangar.

Dr Ling berkata peluang BN memenangi pilihan raya itu juga cerah apabila hampir semua pemimpin dan penyokong parti komponen hadir pada hari penamaan calon semalam.

"Nampak BN kali ini menghadapi pembangkang secara lebih bersungguh-sungguh, kuat dan bersatu padu," katanya.

Mengenai calon BN, Ooi Ah Lan, 59, Dr Ling berkata peluang beliau menang cerah walaupun lawannya dari Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Khoo Yang Chong, 60, juga seorang bekas guru.

Katanya, walaupun kedua-dua calon adalah bekas guru, Ooi lebih dikenali di kalangan masyarakat Cina walaupun tidak menafikan Khoo mungkin mendapat sokongan kuat daripada bekas pelajarinya.

Mengulas mengenai kempen pembangkang, Dr Ling berkata pembangkang didapati menggunakan taktik kotor dengan menyebarkan risalah yang kononnya mengandungi petikan kata-kata beberapa pemimpin negara termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tidak sangka ada pihak yang sanggup melakukan perkara yang sebegitu buruk dalam kempen pilihan raya ini.

"Saya terkejut kerana apa yang dicatatkan adalah pembbohongan dan berharap pengundi Indera Kayangan tidak terpedaya," katanya.

Katanya, kandungan pada risalah itu jelas satu penipuan yang sekadar mahu mengelirukan rakyat.

"Pada sebelah risalah itu dipetik kenyataan Dr Mahathir bahawa Malaysia adalah negara Islam manakala di sebelahnya pula memetik Keadilan dan PRM yang menyebut mereka tidak akan menubuhkan negara Islam.

"Ini satu penipuan. Semua orang tahu bos dalam pakatan pembangkang adalah Pas yang mana perjuangan utamanya mereka ialah menubuhkan sebuah negara Islam.

"Saya hairan bagaimana Keadilan dan PRM boleh membuat penipuan seperti ini," katanya yang menjelaskan risalah itu mula dikesan disebar hari ini.

(END)